


# JEJAK ULAMA'-ULAMA' WANITA MELAYU



*RAJA BADARIYAH BINTI RAJA MUHAMMAD THAHIR  
AL KHALIDI AR-RYAU*

- Suami- Raja Ali Bin Raja Haji Muhammad (kahwin sepupu)
- Wafat pada 10 RabiulAwal 1347, 26/8/1928.
- Bapa – Raja Muhammad Thahir – orang pertama di Riau yang menulis salam bidang ilmu hisab dan falakiah sebagai dokumentasi.
- Tokoh tariqat naqsyabandiyyah
- Adik beliau, Raja Haji Muhammad Said-  
ulama' besar Singapura

- RB- seorang tokoh perempuan Riau- Lingga yang mahir berbahasa Arab-baik percakapan mahupun terjemahan.
- Karya- Adab Al- Fatah –cetakan pertama Al Mathba'ah Al Ahmadiyah , Singapura [1925].
- Anak perempuan- Raja Fatimah- ramai saudara di Singapura dan Malaysia.
- Kisah kematian beliau dicatatkan oleh saudaranya Raja 'Umar Bin Raja Hassan- dimuatkan dalam jurnal yg disalin oleh suaminya.

- Pesanan kematian: -
- Kalau ia mati janganlah ia ditangiskan kerana semua yang bernafas merasai mati”.
- Mana-mana hutang beras disuruh Raja Ali membayarnya.
- Berulang kali meminta ampun dosanya.
- Dibacakan Yassin, perbetulkan bacaan suaminya.
- Mengucap berpuluh kali- dan asyik bertanya, “Betulkah tidak?”. Apabila sudah dijawab, betul, maka dibacanya berulangkali.

- Akhir nyawa, beliau mengangkat tangan dan membaca doa yang panjang dalam Bahasa Arab memohon keselamatan dirinya dan kerabatnya. Beliau kemudiannya mengucapkan selamat tinggal kepada suami dan saudaramaranya.
- Beliau berpesan, setelah beliau meninggal cukup setahun-setahun hendaklah ingat akan dia dan mintakan ampun sekalian dosanya.
- Jangan memberatkan diri menjamu orang ramai atau memanggil orang ramai bertahlil.  
“Memadailah dengan abang Ali sahaja”.

- Kemudian dia mengucapkan berulang-ulang, dalam senyuman, maka diajar Tengku Ali dengan talkin.
- Maka dituruti dengan fasihahnya, “lailahailallah” sambil badannya dan mukanya ke sebelah kiblat dengan meletakkan tangannya ke atas peha Tengku Ali.
- Maka inilah ucapannya yang terkahir, lima menit kemudian, tersenyum mukanya, melayanglah ruhnya menghadap hadrat Tuhan Yang maha Tinggi dengan nyatanya “husnul khatimah”nya, insya Allah Taala.

# *PEMIKIRAN RB*

- Pemikir dalam usaha menerbitkan penulisan-penulisan Kerabat Diraja Riau-Lingga sewaktu mula-mula diasaskan Mathbaah Al Usrah dan Mathbaah Al Ahmadiyah di Singapura.
- RB dan RA bekerja keras untuk menulis, menterjemah dan menerbitkan buku-buku.
- Pendidikan- sama dengan golongan para putera/puteri Diraja Riau-Lingga- sama guru dengan saudara lelakinta RMS.
- Mendapat pendidikan langsung daripada bapanya RMT.

# *Kitab Adab Al Fatat*

*[Adab sopan orang muda perawan]*

- Kitab karangan Al fadhil Afandi Fikri- diterjemahkan oleh RB.
- Bertujuan ke arah pendidikan akhlaq- mukaddimah kitab ini- “Kehendakku menterjemahkan kitab ini kerana anak-anak bangsaku yang dikasihi, dan tanah airku yang disayangi, istimewa pula memelihara, dan mengajar dan **melatih dan membiasakan kanak-kanak pada semula jadinya dengan perangai yang elok dan tingkah laku yang baik. Itu adalah wajib dipersungguhkan lebih daripada mengajar ilmu pengetahuan.**”



## *Kitab Adab Al Fatat*

- Maka ilmu pengetahuan dengan tiada berserta perangai kepujian itu tiadalah boleh diharap mendapat kejayaan di dalam tubuh perhimpunan manusia ini kerana selalu kedapatan orang yang berilmu yang tiada baginya adab dan perangai yang baik. Terkadang dengan ilmu yang semata-mata itulah yang mendorong ia berbuat kejahatan.”

## *Pesanan RB*

- “Wahai segala saudara-saudaraku dan segala anak bangsaku, belajarliah kamu dengan bersungguh-sungguh, supaya tertanamlah perangai yang baik itu di dalam hati kita. Maka pengajaran perangai itu atasnyalah peredaran ketuahan dan manfaat yang sebenar.”

## *Kandungan Kitab Adab Al-Fatat*

- Makanan Sehat- adab makan
- Minuman sehat- air, air susu, kahwah, the, lemonade gas, air limau.
- Adab pakaian
- Adab berhias
- Adab ziarah, lawatan kematian, kenduri
- Menghisap rokok
- Hak suami, talak, hadanah

## *'Aisyah Binti Raja Sulaiman Riau*

- Raja Aisyah Binti Raja Sulaiman- cucu dari pujangga besar Raja Ali Haji
- Raja Sulaiman- pujangga/penyair besar.
- Suami- Raja Khalid Hitam-pejuang anti-kolonial
- Keturunan Diraja kerajaan Riau-Lingga.
- Lahir pada 1869 dan wafat ketika usia 55 tahun pada tahun 1925
- Berhijrah ke Singapura selepas kerajaan Riau-Lingga dimasukkan oleh pemerintah kolonial Belanda. Selepas Singapura, pindah ke Johor dan tinggal di sana sehingga akhir hayatnya.

## *'Aisyah : Kesusasteraan dan penulisan*

- Pelopor pengarang zaman peralihan atau tansisi dari kesusasteraan Melayu tradisional ke kesusasteraan Melayu moden.
- Menggunakan genre sastera tradisional berupa syair dan hikayat.
- Karya-karya RA adalah berkaitan emansipasi wanita



Raja Aisyah Sulaiman, Pengarang Ulung Wanita  
Melayu [1999], Ding Coo Ming;

*“Kekaguman kita terhadap Raja Aisyah Sulaiman adalah kerana beliau menggunakan kuasa pena untuk mengungkapkan pandangannya tentang emansipasi wanita. Beliau mengetahui bahawa pembebasan dan reformasi yang menguntungkan wanita sukar dicapai dengan melawan kaum lelaki secara terbuka. Oleh kerana itu beliau membayangkan perkara yang patut untuk wanita dan menggambarkan perempuan yang mempunyai sifat laki-laki sebagai contoh wanita jenis baru yang dikehendaki..”*

- Menurut Ding, jalan yang ditempuhi Aisyah adalah sama taraf dan modelnya dengan pemberontakan melalui jalur literasi yang dilakukan oleh pejuang emansipasi perempuan dan para perempuan pengarang feminis Inggris pada masa yang sama.
- Dalam karya-karyanya RA, beliau coba memahami apakah struggle wanita dalam dunia lelaki dan juga mengkritik dominasi lelaki atas perempuan.
- Menurut Ding, RA menggambarkan kehendak dan gagasannya tentang dunia perempuan yang dibayangkan oleh dunia lelaki dengan menyamakan tokoh wanita dalam karya-karya menjadi lelaki dan melihat wanita dari kaca mata lelaki.



# Karya-karya RA

- Pergulatan pemikiran psikologis ala Fucoult ini dituangkannya dalam 4 karya beliau yang telah dikenal pasti: 3 karya tunggal atas namanya, dan 1 syair bersama yang disamarkan sebagai karya seorang perempuandari Negeri Johor.
- Dengan 4 karya tersebut, beliau menerajui sastera moden dan menjadi pengarang paling prolific di zamannya.

# *1. Hikayat Syamsul Anuar*

- Ditulis di pulau Peyengat pada tahun 1891.
- Hikayat yg sangat tebal- 1895 mukasurat dengan sekitar 250 patah perkataan di setiap muka surat. 5 salinan hikayat ini masih disimpan di perpustakaan di Malaysia.
- 2 karya lain ditulis selepas meninggalkan Pulau Penyengat pada tahun 1911 iaitu Syair Khadamuddin (1926) di Singapura dan Hikayatul Syariful Akhtar [1929]. Sebuah syair yang berjudul Syair Seligi Tajam Bertimbal ditukis di Johor dan duterbitkan pada tahun 1917.

- Dalam Hikayat Syamsul Anuar, Aisyah mengungkapkan keinginannya tentang pembebasan wanita dari ikatan perkahwinan yang dipaksakan dan dikekang oleh adat.
- Ia kemudian menggambarkan tokoh perempuannya yang menyamar sebagai seorang lelaki sehingga memungkinkannya melakukan pelbagai hal sebagai bentuk perlawanan terhadap dominasi lelaki, termasuk melakukan mogok seks dan tidak tidur bersama suami.

## *2. Syair Khadamuddin*

- Benih-benih emansipasi dan feminisme sangat jelas di dalam karya ini.
- Pada bahagian yang memperlihatkan bagaimana tegarnya tokoh perempuan dalam syair itu tatkala membela keluarga dan suaminya.
- Dalam narasi yang lain, RA menganjurkan agar para suami diajar dan diingatkan bila sudah terlalu jauh dari aturan yang wajar di mata seorang perempuan.

### 3. *Syair Seligi Tajam Bertimbal [1916]*

- Selain perempuan di mata lelaki, maka perempuan di mata perempuan adalah esensi pemikiran dalam karya-karya sastra RA.
- Syair ini tidak sahaja memberikan petunjuk tentang membina senuah rumah yang rukun tetapi juga menjelaskan konflik yang tidak hanya berpunca dari suami/lelaki yang tidak mengajar isteri tetapi juga bermula dari perempuan yang tidak tahu diri.
- Ia adalah sebuah syair auto- kritik tentang perempuan oleh perempuan.

- Seperti yang terkias di dalam judul syair ini, Seligi Tajam Bertimbang, maka kehidupan rumah tangga dilihat bagaikan seligi, lembing, yang kedua hujung matanya tajam. Kedua hujungnya dapat merobek dan melukai.
- Konflik rumahtangga bukan hanya disebabkan lelaki tetapi juga perempuan.
- Sebagai syair auto-kritik, Seligi Tajam Bertimbang juga menjelaskan sebab-musababnya jauh sampai ke akar-akarnya yang berpunca dari kesalahan orang tua dalam mendidik anak perempuannya.

# Petikan syair Seligi Tajam Bertimbal

*Istimewa ia anak perempuan  
Lebih dijaga tingkah kelakuan  
Biasakan ia malu maluan  
Walau kepada teman dan kawan*

*Demikian lagi kalimah tutur  
Hendaklah ibu bapa mengatur  
Dihadapnya jangan bercakap kotor  
Nanti anakmu menjadi ketor*

*Tapi kebanyakan ibunya pula  
Anak perempuan sahaja dibela  
Dandan solek tiada berkala  
Supaya banyak laki-laki gila*

*Diberi Memakai baju yang garang  
Segala anggota kelihatan terang  
Sifat yang batin dilihat orang  
Menjadi laki-laki nafsunya garang*



*Liuk lempai gaya berjalan  
Mengenakan lenggok patah sembilan  
Tidak laki-laki memandang malan  
Disitulah terbit malang kesialan*

*Sehabis mujur ia meminang  
Lamun tidak menjadi lanang  
Inilah ibu tiada mengenang  
Anak yang bodoh akhir tak senang*

Jika ia elok perasih

Mula berkahwin lakinya kasih

Bodoh lekat di badan masih

lalah jalan jadi selisih.

- Penyamaran kisah hidup seumpama itu menjadi pra-syarat yang wajar untuk wanita lebih-lebih lagi bagi pengarang wanita feminis mengekspresikan dirinya.
- Beliau tidak sepopular datuknya Raja Ali Haji tetapi penulisan beliau adalah gambaran bahawa penulisan tentang feminis Melayu sudah lama wujud dan sangat kritis.
- Mula menulis semenjak belasan tahun, kemudian selepas berkahwin dan semakin kritis selepas kematian suami.

- Suami beliau adalah perunding keselamatan negara yang telah pergi ke Tokyo untuk mendapatkan khidmat tentera Jepun menamatkan Belanda. Tetapi tidak menjadi. Suami beliau meninggal dunia di Tokyo kerana kesejukan.
- RA pada mulanya tidak dapat menerima berita kematian suaminya telah menyajikan makan dan minum seperti biasa seolah-olah suaminya akan balik. Beliau juga telah melakarkan perasaan tersebut dalam Syair Khadamuddin.

- Semenjak menjadi balu, beliau mendapat banyak gangguan lelaki yang berpangkat mahu mengahwininya.
- Beliau banyak menggunakan helah untuk mengelak daripada gangguan- sebagaimana dalam syair Khadamuddin-pura-pura sakit, jemput kawan datang, tidur dan pelbagai helah.
- Syair ini adalah luahan hati dan protes beliau terhadap kesusahan yang dialami dan tekanan beliau hadapi sebagai wanita.

*Terima Kasih*